



STATE ENVIRONMENTAL HEALTH ACTION PLAN (SEHAP) @ PELAN TINDAKAN KESIHATAN ALAM SEKITAR NEGERI

Dr. Roslan MOHAMED, Nurul Ashikin ASARI, Suhaily SAHRANI, Noor Shuhadaa SALATON,
Jamilah MAHMOOD, Raihani CHE MAMAT, Bariah BAKRI

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengenalan

Prinsip kerjasama dan saling bergantung antara agensi kesihatan dan alam sekitar bagi menghasilkan pembangunan mampan merupakan suatu pendekatan yang telah diterima pakai di peringkat antarabangsa mahupun nasional. Lanjutan itu, *First Ministerial Regional Forum on Environment and Health in Southeast and East Asian Countries* yang telah diadakan di Bangkok pada Ogos 2007, Malaysia beserta negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur bersetuju dengan *Charter* dari forum tersebut di mana salah satu matlamat dan objektifnya adalah untuk membangun dan melaksanakan *National Environmental Health Action Plan* (NEHAP) yang bertujuan mempertingkatkan kualiti alam sekitar dan kesihatan awam. Oleh yang demikian, selaras dengan komitmen negara di peringkat antarabangsa, Memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan pembangunan dan pelaksanaan NEHAP Malaysia telah dibentangkan oleh YB Menteri Kesihatan pada 5 Disember 2012 dan Jemaah Menteri telah menimbang dan bersetuju supaya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mewujudkan dan melaksanakan NEHAP Malaysia.

Berpandukan kepada rasionalisasi keperluan penyelarasan isu-isu kesihatan alam sekitar di peringkat negeri serta mengadakan platform perkongsian isu-isu kesihatan dan alam sekitar boleh mewujudkan sinergi penting di peringkat setempat, pada tahun 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NEHAP Malaysia Bil. 2/2015 bersetuju dengan cadangan *Pilot Project State Environmental Health Action Plan* (SEHAP) di tiga negeri iaitu Perak, Melaka dan Pahang. Ia disusuli dengan keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NEHAP Malaysia Bil. 1/2017 yang bersetuju pelaksanaan SEHAP diteruskan dan dikembangkan ke negeri-negeri lain secara berperingkat.

Objektif

- Menyediakan satu mekanisma yang lebih sistematik dan menyeluruh untuk menambahbaik kesihatan alam sekitar di sesebuah negeri dan menjelaskan tugas serta tanggungjawab pelbagai pihak berkepentingan.
- Merupakan satu kaedah perancangan dan pelaksanaan tindakan kesihatan alam sekitar secara komprehensif, holistik, melibatkan pelbagai disiplin perkhidmatan dan kerjasama inter-sektoral di peringkat negeri.

Kaedah Pelaksanaan

LANGKAH 1: PENUBUHAN SEHAP



LANGKAH 2: PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN SEHAP



Rumusan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan SEHAP perlu diperkemas dan ditambahbaik bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pelan tindakan alam sekitar di peringkat negeri. Sekretariat NEHAP Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan Sekretariat SEHAP bagi memastikan aktiviti ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penghargaan

Penghargaan diucapkan kepada semua agensi yang terlibat di peringkat negeri terutama pihak Badan Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) yang menjadi urus setia bersama bagi pelaksanaan SEHAP.

Kemajuan Pelaksanaan

NEHAP SABAH CHAPTER



Webinar yang telah diadakan kepada orang awam sebagai program kesedaran di bawah TWG 2: Sisa Pepejal, TWG 4: Sisa Toksik, Kimia dan Bahan Berbahaya dan TWG 5: Pelan Kesiapan Luar Jangka dan Kecemasan Kesihatan Alam Sekitar NEHAP Sabah Chapter



Pewujudan Logo NEHAP Sabah Chapter dan diluluskan pada 15 Julai 2021



Kuiz dalam talian telah dilaksanakan oleh TWG 1: Kualiti Udara NEHAP Sabah Chapter

SEHAP PERAK



Aktiviti lawatan ke ladang ayam di bawah TWG 2: Kebersihan dan Sanitasi SEHAP Perak sebagai usaha mengurangkan aduan kaku ganggu alat dan kesan terhadap kesihatan

Ekspedisi Sg. Rui di bawah TWG 1: Bekalan Air SEHAP Perak bagi mengenalpasti punca pencemaran Arsenik di daerah Hulu Perak

LAIN-LAIN NEGERI



Pelaksanaan Mesyuarat JK Teknikal dan Pemandu SEHAP
Pelaksanaan Bengkel SEHAP di peringkat negeri
Pelaksanaan sesi libat urus di antara agensi dan Bengkel SEHAP
Mendapatkan kelulusan MMKN bagi pelaksanaan SEHAP

Butiran untuk Dihubungi

Sekretariat NEHAP Malaysia

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

Kementerian Kesihatan Malaysia

03-8892 4690/4448/4748

<http://nehapmalaysia.moh.gov.my>